

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Rancangan Pengajian Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
Sidang Akademik 2020 / 2021



PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KANDUNGAN

1	Kata Aluan Dekan	2
2	Panduan Akademik Ringkas	3
3	Pengajaran dan Pembelajaran	5
4	Bahan Pembelajaran	5
5	Panduan Pendaftaran Kursus	6
6	Pengecualian Unit	6
7	Portal Campus Online	7
8	Capaian ke Web Conference	8
9	Senarai Pengerusi Rancangan / Pegawai dan Pembantu Tadbir	9

KATA ALUAN DEKAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah segala puji bagi Allah s.w.t. yang telah memberikan peluang kepada saya untuk mengalu-alukan saudara/i sebagai pelajar Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) Universiti Sains Malaysia (USM). Bagi pihak warga Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara/i yang telah terpilih untuk mengikuti Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) USM bagi sidang akademik 2020/2021.



Kami warga kerja PPPJJ merasa berbangga kerana saudara/i telah membuat keputusan untuk memilih Rancangan Pengajian Jarak Jauh yang ditawarkan oleh USM bagi menyambung pengajian saudara/i pada peringkat sarjana muda. Kami berharap saudara/i dapat menggunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin. Mulai sekarang, saudara/i perlu mengatur rutin kehidupan saudara/i dengan teratur untuk memenuhi tuntutan sebagai seorang suami/isteri/bapa/anak/pelajar/pekerja yang cemerlang.

Sesungguhnya tiada jalan pintas dalam menuntut ilmu.

Selamat menempoh alam pendidikan tinggi.

Prof. Madya Dr. Ku 'Azam Tuan Lonik
Dekan
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

PROSES PENDAFTARAN



Memandangkan anda telah sampai ke dokumen ini, kami mengucapkan tahniah kepada anda yang telah menerima tawaran untuk belajar di bawah Rancangan Pengajian Jarak Jauh, USM.

- 1 Sebelum kita bermula dengan proses pendaftaran seterusnya, pastikan anda telah menyatakan penerimaan tawaran belajar melalui portal pohon.usm.my. Jika belum, mohon berbuat demikian melalui <https://pohon.usm.my>. **Anda perlu mendaftar diri melalui menu Daftar Diri pada pohon.usm.my**

Pastikan juga anda telah

- a) memuat naik gambar (untuk kad matrik) – juga melalui <https://pohon.usm.my> DAN
- b) membayar yuran pengajian

- 2 Di dalam portal pohon.usm.my, daftar **IDENTITI/EMEL**. Pilih menu **IDENTITI/EMEL** Password ialah no. pin yang diberikan.



Pendaftaran **IDENTITI/EMEL** membolehkan anda,

- a) Mendapatkan emel rasmi USM
- b) Akses kepada **Sistem Maklumat Pelajar** (SMUP) melalui portal **CampusOnline** <https://campusonline.usm.my>
- c) Akses kepada portal **e-Learning** PPPJJ

NOTA: Akses kepada SMUP dan portal e-Pembelajaran PPPJJ akan menggunakan login **USM Identity** yang anda wujudkan.



- 3 Setelah anda berjaya mendaftar **IDENTITY/EMEL**, anda boleh menyemak **Profil** (butiran diri) anda dalam portal **CampusOnline**.

✓ Semak profil anda pada portal <https://campusonline.usm.my>. Login pada 

- 4 Layari portal **e-Learning** PPPJJ pada <https://elearning.usm.my/ppjj>

- 1 Login pada 
- 2 Lihat contoh screenshot di bawah.



- a) Pastikan nama anda tertera pada sudut atas kanan (**#1**)
- a) Klik **My Course** (**#2**). Klik pada **e-Pendaftaran2020** dan **MUAT TURUN** panduan pendaftaran lengkap dan teliti arahan-arahan yang diberi.

PANDUAN AKADEMIK RINGKAS

I. Keperluan Pengijazahan

a. Untuk berijazah anda perlu mengumpulkan jumlah unit-unit kursus berikut

	Kod	Sastera dan Sains Kemasyarakatan	Sains	Pengurusan
Kursus Teras/Major	T	73	71/72	79
Kursus Elektif	E	12	12	16
Kursus Minor	M	20	20	20
Kursus Universiti	U	19	19	21
JUMLAH		124	122/123	136

* Pelajar Fizik: Jumlah Unit Kursus Teras ialah 72 dan Jumlah Unit Keseluruhan ialah 123

b. Anda perlu memperoleh **PNGK 2.0 dan PNGK(AT) 2.0 minimum**



Rujuk buku panduan pelajar untuk membezakan PNG, PNGK dan PNGK(AT).
Buku panduan boleh dicapai melalui <https://elearning.usm.my/pppij>

c. **SEMUA kursus Universiti KECUALI JUJ 103 perlu lulus gred C minimum.**

2. Taraf Akademik

Taraf akademik bergantung kepada PNG anda

- A** jika PNG anda pada tahun berkenaan ialah 2.0 dan ke atas
- PI** jika PNG anda pada tahun berkenaan ialah kurang daripada 2.0
- P2** jika PNG anda kurang daripada 2.0 pada dua tahun berturut-turut
- FO** jika PNGK anda kurang daripada 2.0 untuk tiga tahun berturut-turut

[A – aktif; P1 – Percubaan 1; P2 – Percubaan 2, FO – fail and out (gagal dan dikeluarkan)]

3. Jumlah Unit Boleh Daftar Setiap Sidang Akademik

Jumlah unit boleh daftar untuk setiap sidang akademik ialah

- 34** untuk pelajar Sastera/Sains Kemasyarakatan/Sains ATAU
- 36** untuk pelajar Pengurusan.

NAMUN jumlah ini tertakluk kepada Taraf Akademik Anda

Rujuk buku panduan untuk mengetahui jumlah boleh daftar berdasarkan Taraf Akademik.

MENANGGUH PENGAJIAN

PELAJAR YANG TELAH DITAWARKAN TEMPAT TETAPI INGIN MENANGGUHKAN PENGAJIAN UNTUK SIDANG AKADEMIK 2020/2021 DIKEHENDAKI MELENGKAPKAN PROSES 1, 2, 3 (PROSES PENDAFTARAN DI ATAS) DAN KEMUDIAN MENGISI BORANG PENANGGUHAN YANG TERDAPAT DALAM PORTAL E-PEMBELAJARAN.

PELAJAR YANG INGIN MENANGGUH PERLU MENDAFTAR TERLEBIH DAHULU SEBAGAI PELAJAR BERDAFTAR DAN INI BERMAKNA PERLU MENJELASKAN YURAN TIDAK BERULANG.

VIDEO PENTING UNTUK DITONTON



Ikuti video-video berikut yang dimasukkan ke dalam portal e-learning <https://elearnpppj.usm.my/pppj>

Log masuk ke portal menggunakan **IDENTITI/EMEL**

Login with USM ID

Akses menu **MyCourse** dan klik pada kursus **e-Pendaftaran2020**.

Tonton video berkaitan. Tajuk 1 adalah penting. Bagi Tajuk 2, pilih program atau bidang masing-masing.

1. Taklimat Akademik oleh Timbalan Dekan Akademik

2. Taklimat Program/Bidang (lihat video Program/Bidang berkaitan sahaja)

- 3.1 Taklimat Program Sastera (Geografi/Kesusasteraan/Sejarah)
- 3.2 Taklimat Program Sains Kemasyarakatan (Antropologi-Sosiologi/Ekonomi/Sains Politik)
- 3.3 Taklimat Program Sains (Biologi)
- 3.4 Taklimat Program Sains (Fizik)
- 3.5 Taklimat Program Sains (Kimia)
- 3.6 Taklimat Program Sains (Matematik)
- 3.7 Taklimat Program Pengurusan
- 3.8 Taklimat Pengecualian Kredit untuk pelajar Pengurusan

Bookmark Pautan berikut:

<http://campusonline.usm.my/>

<https://elearnpppj.usm.my/pjj2021/>

<http://pppj.usm.my/index.php/ms/>

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam sistem pengajian secara jarak jauh, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualifying Agency*) menetapkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran adalah terdiri daripada dua komponen utama iaitu **bersemuka** (*face-to-face*) dan **pembelajaran sendiri** dalam nisbah 20:80.

Komponen bersemuka terdiri daripada dua bentuk iaitu **bertatap muka** dan **berperantara media elektronik**. Aktiviti bertatap muka dikendalikan semasa **kursus intensif** (untuk sidang akademik 2020/2021 dijadualkan pada pertengahan Februari selama tiga minggu) manakala sesi berperantara media elektronik dikendalikan secara **web-conference melalui portal e-Learning**.



Capaian ke portal e-Pembelajaran boleh dibuat melalui <http://elearning.usm.my/pppji>

BAHAN PEMBELAJARAN

Bahan pembelajaran terdiri daripada beberapa bentuk

- Video rakaman Web-Conference
- Bahan e-Kuliah
- Buku / Modul bercetak
- Buku / Modul elektronik
- Nota

Buku / Modul bercetak akan diposkan kepada pelajar selepas proses pendaftaran kursus selesai.

Buku / Modul / Nota elektronik boleh dicapai dan dimuat turun melalui portal e-pembelajaran.

PUSAT WILAYAH DAN PUSAT PEPERIKSAAN

PPPJJ USM mempunyai rangkaian pusat-pusat wilayah di seluruh negara – rujuk portal e-Learning. Pusat-pusat Wilayah ini mempunyai kemudahan,

- ✓ Perpustakaan
- ✓ Makmal untuk amali Sains

Peperiksaan akhir dijalankan di Pusat Peperiksaan. Di sebahagian negeri, pusat peperiksaan ini TIDAK SAMA dengan pusat wilayah. Bahagian Peperiksaan akan mengemaskini dan memaklumkan kepada pelajar senarai pusat peperiksaan ini.

PANDUAN PENDAFTARAN KURSUS

Panduan ini terpakai untuk semua tahun pengajian.

Bagi Pelajar Tahun 1, kursus akan didaftar secara auto KECUALI bidang Pengurusan.



Lihat panduan yang diberikan oleh Pengerusi Rancangan melalui video Taklimat Program.

- ✓ Pelajar dinasihatkan mendaftar kursus paras rendah terlebih dahulu
- ✓ Daftar kursus mengikut pakej **T, E, M, U** (definisi pada muka surat 3)
- ✓ Hanya pelajar Pengurusan dan Sains Biologi sahaja yang boleh mendaftar MINOR pada Tahun 1. Pelajar-pelajar lain tidak dibenarkan.
- ✓ Kursus Bahasa Inggeris **TIDAK BOLEH diambil serentak**.
- ✓ Jika anda BELUM ada keputusan MUET ATAU keputusan MUET anda ialah Band 1, 2, dan 3 anda **MESTI** mengambil JUE100 terlebih dahulu.

(Lihat panduan terperinci dalam buku panduan yang terdapat dalam portal e-Pembelajaran <http://elearning.usm.my/pppi>)

PENGECCUALIAN KREDIT

Pelajar yang masuk dengan kelayakan **diploma** boleh memohon pengecualian kredit.

Syarat untuk memperoleh pengecualian kredit ialah:


- ✓ Unit kursus yang telah diambil di IPT/IPTS terdahulu MESTILAH sama dengan unit kursus yang dipohon.
- ✓ Keputusan bagi kursus yang diperolehi pada peringkat diploma tersebut mestilah dengan gred C dan ke atas.
- ✓ Kursus paras 100 dan 200 sahaja yang boleh dipohon pengecualian kredit.

Prosedur permohonan pengecualian kredit.


- ✓ Muat turun dan isi borang permohonan pengecualian kredit daripada portal e-Learning, dan
 - setelah diisi, muat naik borang tersebut ke dalam portal **berserta** dengan salinan transkrip anda
 - sertakan salinan silibus kursus pada peringkat diploma yang hendak dipohon pengecualian kredit
 - kesemua transkrip dan silibus perlu disahkan
- ✓ **Jika anda fikir anda layak diberikan pengecualian kredit untuk kursus-kursus tertentu**, kursus berkenaan **tidak** perlu didaftar – Rujuk kepada Pengerusi Rancangan.

PORTAL CAMPUS ONLINE

Setelah anda berjaya membuat pendaftaran **IDENTITI/EMEL**, anda boleh melihat profil anda melalui portal campus online. Capaian ke portal campus online ialah <http://campusonline.usm.my/>




Berikut ialah contoh profil pelajar dalam Portal Campus Online. Anda boleh melayari menu-menu yang terdapat dalam portal tersebut.



The screenshot shows the 'Student Profile V3' dashboard. It includes a navigation menu on the left with options like 'Main', 'Student Profile', 'Application', and 'Update'. The main content area displays a student profile with a photo, name, NRIC No., Matric No., Status (ACTIVE), School (SCHOOL OF DISTANCE EDUCATION), and Programme (SOCIAL SCIENCE (DL)). Below the profile are several navigation buttons: Academic Calendar, DV3, eBook BPRP, eDaftar, eFas, eLearning, Kampus Sejahtera, Penawaran Kursus, Postponement, Servisdesk, and SPPU.

- Pautan e-Learning dalam Campus Online tersebut BUKAN untuk pelajar PPPJ.
- Berikut ialah paparan menu pendaftaran kursus (e-daftar) melalui portal campusonline.
- Menu eFas berkait pembayaran yuran.



The screenshot shows the 'eDaftar' course registration page. It includes a navigation menu on the left with options like 'Main', 'Student Profile', 'Application', and 'Update'. The main content area displays the 'Course Registration - SIDANG AKADEMIK 2020/2021' page. It includes a 'Course Registration' tab, a 'Print Slip' button, and a table of courses.

#	Course Code	Course	Type	Unit	Delete	Update
1	JKP318	COMPARATIVE POLITICS	E	4		
2	JMG214	REGIONAL GEOGRAPHY OF SOUTH EAST ASIA & ASIA PACIFIC	M	4		
3	JKA519	CYBERSPACE CULTURE AND COMMUNITY	T	3		
4	JKA518	DEVIANCE, CONFLICT AND SOCIAL CONTROL	T	4		
5	JKA515E	PROJECT : SELECTED SOCIAL ISSUES	T	4		
6	JKA513	INDUSTRIALISATION AND SOCIAL CHANGE	T	4		
7	JKA512	ETHNIC RELATIONS AND RACISME	T	4		
TOTAL UNIT				27		

PANDUAN CAPAIAN KE WEB CONFERENCE

Pautan untuk capaian ke Web Conference ialah ialah <http://elearning.usm.my/pppij>

Kuliah secara web-conference menggunakan perisian **Webex**. Kuliah ini akan diadakan secara berkala pada hari Sabtu. Jadual boleh diperolehi dalam portal e-pembelajaran.

Pautan untuk capaian ke kelas tersebut akan dimasukkan **15 minit sebelum kelas bermula** di dalam laman kursus masing-masing.




Tatacara capaian



- ✓ masuk ke halaman kursus masing-masing di dalam portal e-Learning <http://elearning.usm.my/pppij>
- ✓ akses pautan yang diberikan. Pelajar dinasihatkan agar **TIDAK** masuk sebelum waktunya.

Setelah anda klik pada pautan tersebut, laman seperti rajah di sebelah akan muncul.

Klik pada **join meeting**.



Anda kemungkinan akan diminta untuk memuat-turun *add-on* tertentu oleh perisian Webex tersebut. Kemungkinan juga *add-on* tersebut akan dimuat-turun secara automatik.



Pelajar dinasihat untuk mematikan (mute) mikrofon & kamera pada komputer riba atau PC masing-masing bagi mengelak gangguan terutama bagi kelas yang ramai pelajar.

Untuk mute mikrofon & kamera, klik pada simbol mikrofon (1) dan kamera (2) pada rajah sebelah – pastikan ia telah bertukar kepada warna merah.

Pelajar juga digalakkan berinteraksi menggunakan ruang chat. Untuk akses ruang chat, klik pada butang chat (3).

LIHAT PANDUAN TERPERINCI DALAM E-PENDAFTARAN2020

Sebarang pertanyaan berhubung portal e-Pembelajaran boleh berhubung dengan

Puan Sabariah Zakaria (zsabariah@usm.my)



04-653 3951

SENARAI Pengerusi Rancangan

1.	Pengerusi Rancangan Geografi Prof. Madya Dr. Fatimah Hassan	hfatihah@usm.my	04-653 3934
2.	Pengerusi Rancangan Kesusasteraan Dr. Chow Seat Fun @ Dr Melissa	sfchow@usm.my	04-653 3629
3.	Pengerusi Rancangan Sejarah Dr. Ku Boon Dar	kubd@usm.my	04-653 2288
4.	Pengerusi Rancangan Antropologi-Sosiologi Dr Chua Hang Kuen	hkchua@usm.my	04-653 4568
5.	Pengerusi Rancangan Ekonomi Dr. Norhanishah Mohd Yunus	norhanishah@usm.my	04-653 2303
6.	Pengerusi Rancangan Sains Politik Dr. Faridah Jaafar	faridahjaafar@usm.my	04-653 2281
7.	Pengerusi Rancangan Pengurusan Dr. Rafisah Mat Radzi	rafisah@usm.my	04-653 2314
8.	Pengerusi Rancangan Biologi Dr. Norsuhana Abdul Hamid	norsuhana@usm.my	04-653 2276
9.	Pengerusi Rancangan Fizik Dr. Nor Zakiah Yahya	norzakiah@usm.my	04-653 2286
10.	Pengerusi Rancangan Kimia Dr. Gunasunderi Raju	rgunasunderi@usm.my	04-653 3933
11.	Pengerusi Rancangan Matematik Prof. Madya Dr. Lok Yian Yian	lokyy@usm.my	04-653 3931

SENARAI PEGAWAI/PEMBANTU TADBIR PROGRAM

1.	Penolong Pendaftar Kanan Sains Kemasyarakatan (Antropologi-Sosiologi / Ekonomi / Sains Politik) Puan Ferial Abdul Wahab	ferial@usm.my	04-653 2302
2.	Penolong Pendaftar Sastera (Geografi / Kesusasteraan / Sejarah) Puan Nazira Zainal Abidin	nazira_za@usm.my	04-653 2293
3.	Penolong Pendaftar Kanan Pengurusan Cik Nor Rafizah Mohd Zain	nor_rafizah@usm.my	04-653 3882
4.	Penolong Pendaftar Sains (Biologi / Fizik / Kimia / Matematik) dan Kursus Universiti Cik N.R. Dhurgaletchimi a/p Ragava	dhurga_ragava@usm.my	04-653 2292
5.	Kerani Bidang Sains Kemasyarakatan Puan Fatin Izzati Abdul Razak	fatinrazak@usm.my	04-653 5174
6.	Kerani Bidang Sastera Puan Herny Hartini Jamaludin	herny_hartini@usm.my	04-653 2627
7.	Kerani Bidang Sains Puan Romiwati Abd. Samad	rumie@usm.my	04-653 3539
8.	Kerani Bidang Pengurusan Puan Nor Ashikin Zainol Abidin	nor_ashikin@usm.my	04-653 3219

Timbalan Dekan Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa	tda_cde@usm.my	04-653 3930
Emel rasmi urusan Akademik	akademik_pppjj@usm.my	